

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**  
**TARIKH : 27 OKTOBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit dari negeri-negeri lain yang dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur dan hospital Kerajaan lain di Lembah Kelang dari tahun 2012 hingga September 2014 kerana kekurangan pakar perubatan di negeri-negeri berkenaan. Pakar perubatan jenis apakah yang sangat berkurangan di hospital negeri tersebut dan apakah yang dilakukan untuk mengatasi kekurangan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selain Hospital Kuala Lumpur, hospital-hospital milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terletak dalam kawasan Lembah Klang merangkumi beberapa hospital di negeri Selangor iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Ampang, Hospital Kajang dan Hospital Orang Asli. Manakala, Institusi Perubatan Khas KKM dalam kawasan Lembah Klang pula adalah Hospital Rehabilitasi, Institut Perubatan Respiratori dan Pusat Kawalan Kusta Negara.

Berdasarkan rekod kemasukan pesakit ke Hospital Kuala Lumpur, pada tahun 2013, sebanyak 819 kemasukan ke hospital tersebut adalah dirujuk daripada hospital Kerajaan lain. Jumlah ini didapati berkurang berbanding tahun 2012, iaitu 2,388 kemasukan. Walau bagaimanapun, tiada perincian mengikut negeri.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2014, terdapat seramai 3,911 orang Pegawai Perubatan Pakar dalam pelbagai bidang sedang berkhidmat di KKM. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 1,042 (26.6%) Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di Sekitar Lembah Klang dan seramai 378 (9.7%) Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini bilangan Pegawai Perubatan Pakar di KKM masih lagi belum mencukupi. Sehubungan itu, KKM telah mengambil langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan jumlah Pegawai Perubatan Pakar seperti berikut:

- i. Melatih lebih ramai Pegawai Perubatan Pakar dengan menambah bilangan slot biasiswa daripada 800 setahun kepada 1,000 tempat setahun mulai tahun 2013;
- ii. Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM; dan

- iii. Melantik Pegawai Perubatan Pakar di kalangan warganegara dan bukan warganegara secara kontrak untuk berkhidmat dengan KKM. Sehingga 30 Jun 2014, terdapat seramai 169 orang Pegawai Perubatan Pakar lantikan kontrak sedang berkhidmat di KKM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)**

**SOALAN : 31**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos pengambilalihan sistem penguatkuasaan elektronik AES serta jumlah kutipan saman yang telah diterima sejak sistem AES dilaksanakan sehingga sekarang.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, rundingan untuk mengambilalih pemilikan dan operasi daripada kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan AES masih berlangsung. Sehubungan itu, Kementerian ini tidak dapat menyatakan jumlah sebenar kos pengambilalihan yang terlibat.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, jumlah kutipan bayaran saman AES yang telah diterima semenjak dari AES dilaksanakan iaitu pada 23 September 2012 sehingga 31 Ogos 2014 adalah sebanyak RM51,434,650.00.